



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

Isnin, 21 Februari 2022	
1	Penternak ayam perlu henti boikot
2	Penternak kerugian lebih RM30,000
3	Pengusaha rugi RM30,000 ladang rumput napier diserang gajah liar
4	320 kg daging lembu RM15 sekilo habis dalam tiga jam
5	Gerak program biak seladang
6	2 penternak lembu rugi RM30,000 rumput napier dirosak gajah
7	Ready for the market

DISEDIAKAN OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21.2.2022	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	8

Penternak ayam perlu henti boikot

PETALING JAYA: Tindakan penternak ayam melakukan boikot kerana tidak puas hati dengan subsidi yang lambat sampai kepada mereka perlu dihentikan segera supaya tidak menjejaskan bekalan barangan keperluan itu, khususnya menjelang hari perayaan.

Penternak dan pembekal ayam perlu berganding bahu dengan kerajaan dalam menyelesaikan masalah bekalan supaya masalah dihadapi tidak berlarutan khususnya menjelang perayaan bakal tiba.

Presiden Lembaga Perlindungan dan Kebajikan Pengguna Malaysia (LPKPM), Dr. Lee Nan Sang berkata, pemberian subsidi ayam dan telur tetap diterima penternak walaupun mengalami masalah kelewatan.

“Saya menyeru para penternak teruskan bekalan telur dan bukannya ambil tindakan boikot. Menjelang bulan puasa dan musim hari raya, telur adalah bahan yang penting untuk menyediakan juadah. Jika bekalan terputus, banyak pihak terpengaruh terutama pengguna berpendapatan sederhana bawah.

“Apabila bekalan terjejas, harganya naik seterusnya mengakibatkan harga jualan makanan pun akan naik, para pengguna perlu membayar harga yang lebih tinggi dan kos perbelanjaan akan tinggi,” katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Terdahulu, akhbar melaporkan, kerajaan memutuskan pemberian subsidi ayam dan telur kepada penternak di seluruh negara untuk tempoh empat bulan sehingga 4 Jun ini melibatkan implikasi kewangan berjumlah RM528.52 juta.

Presiden Persatuan Keselamatan Pengguna Kuala Lumpur (PKP), Samsudin Mohamad Fauzi pula berkata, walaupun kerajaan sudah menetapkan harga siling bernilai RM8.90 tetapi masih ada desakan berterusan untuk menaikkan harga.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21.2.2022	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	29



PAGAR di ladang penternak yang rosak akibat serangan gajah liar di Bandar Al Muktafi Billah Shah (AMBS) di Dungun, Terengganu, semalam. - UTUSAN/NIK NUR IZZATUL HAZWANI NIK ADNAN

Penternak kerugian lebih RM30,000

DUNGUN: Dua penternak lembu di Bandar Al Muktafi Billah Shah (AMBS) di sini kerugian lebih RM30,000 selepas sekumpulan gajah liar menceroboh ladang dan memusnahkan tanaman rumput napier diusahakan mereka.

Dalam kejadian Khamis lalu, kumpulan gajah itu bukan sahaja memusnahkan rumput napier dan lebih 10 pokok pisang yang ditanam, malah, turut memusnahkan struktur pagar di kawasan ladang seluas 240 hektar berkenaan.

Seorang penternak, Mohd. Arifin Matmat, 58, berkata, insiden itu pertama kali berlaku sepanjang empat tahun dia dan

rakan menternak lembu.

“Kawasan ladang ini merupakan laluan gajah kerana berhampiran hutan, tetapi, kami terkejut kerana ia sudah mula menceroboh,” katanya ketika ditemui pemberita semalam.

Seorang lagi penternak, Abdul Wahab Mohd. Amin, 60, berkata, kes serangan gajah liar itu menambah kebimbangannya terhadap keselamatan lebih 200 lembu yang ditenak mereka.

“Apabila pagar rosak tentunya kami risau kemunculan harimau kumbang dan babi kerana terletak berhampiran hutan,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21.2.2022	KOSMO	NEGARA	16

Pengusaha rugi RM30,000 ladang rumput napier diserang gajah liar

DUNGUN – Dua petani mengalami kerugian lebih RM30,000 apabila ladang rumput napier yang diusahakan mereka musnah diceroboh kawan gajah liar di Bandar Al-Muktafi Billah Shah di sini pada Khamis lalu.

Mohd. Arifin Mamat, 58, berkata, dalam kejadian itu, gajah liar tersebut turut merosakkan kira-kira 10 batang pokok pisang yang diusahakannya.

“Sebahagian struktur pagar ladang seluas kira-kira 240 hektar

turut dirosakkan haiwan mamalia tersebut.

“Disebabkan struktur pagar musnah, saya risau akan keselamatan lebih 200 ekor lembu yang turut ditenak di dalam ladang sama,” katanya ketika ditemui Kosmo! di sini semalam.

Mohd. Arifin memberitahu, ketiadaan struktur pagar tersebut mendedahkan ladang berkenaan dengan ancaman haiwan liar lain seperti harimau kumbang dan babi hutan.

Jelas lelaki itu, sebelum ini dia pernah terserempak dengan haiwan liar seperti gajah kerana ladangnya terletak terlalu hampir dengan hutan.

“Saya sudah melaporkan kejadian pencerobohan gajah liar ini kepada Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Terengganu.

“Saya berharap pihak berwajib dapat mengambil tindakan segera dalam menangani isu ini,” katanya.



KEADAAN pagar ladang rumput napier yang rosak selepas diceroboh gajah liar di Bandar Al-Muktafi Billah Shah, Dungun baru-baru ini.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21.2.2022	KOSMO	NEGARA	18

320 kg daging lembu RM15 sekilo habis dalam tiga jam

PARIT – Daging lembu segar berharga RM15 sekilogram menjadi rebutan pada program Jualan Keluarga Malaysia Peringkat Parlimen Parit di Seri Iskandar di sini, semalam.

Orang ramai dilihat tidak melepaskan peluang serta sanggup beratur dan menunggu lebih 30 minit seorang untuk membeli daging berkenaan.

Kesemua 320 kilogram (kg) habis dalam tempoh tiga jam.

Seorang pengunjung, Amirah Syafiqah Khairi, 32, berkata, sebaik sampai dia mendengar

pengumuman daging lembu segar dijual RM15 sekilogram sebelum memaklumkan pada rakan-rakan lain.

“Kalau di luar harga lembu segar lebih RM30 kg sangat murah dan bantu kami berjimat,” katanya.

Sementara itu, Ahli Parlimen Parit, Datuk Mohd. Nizar Zakaria berkata, pada program itu sebanyak 320 kilogram daging dijual selain pelbagai barangan basah dan kering.

“Jualan ini untuk bantu penternak dan rakyat,” katanya.



SELOLA JUALAN daging yang dijual di Seri Iskandar, semalam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21.2.2022	SINAR HARIAN	NASIONAL	14

Haiwan hampir pupus itu dibiakkan hasil kerjasama Zoo Taiping & Night Safari bersama Perhilitan

Oleh NORMAWATI ADNAN

IPOH

Zoo Taiping & Night Safari telah menggerakkan program pembiakan seladang sejak tahun 1998 dalam usaha melindungi populasi spesies terancam itu.

Pengarahnya, Dr Kevin Lazarus berkata, program dengan kerjasama Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) itu berjaya membiakkan enam ekor anak seladang.

Menurutnya, sebahagian daripada anak seladang berkenaan ditempatkan di beberapa zoo di negara ini di bawah program pembiakan khas.

"Zoo Taiping memulakan

Gerak program biak seladang

FOTO: FACEBOOK ZOO TAIPING & NIGHT SAFARI

Program ini dengan sepasang seladang yang disumbangkan Perhilitan untuk pembiakan.

"Kajian dan penyelidikan yang dijalankan telah berjaya membiakkan beberapa ekor anak seladang dengan sebahagiannya dihantar ke zoo lain," katanya ketika dihubungi pada Ahad.

Beliau berkata, pembiakan spesies yang tergolong dalam kategori haiwan semakin pupus itu memerlukan tahap pemantauan rapi dan kajian khusus daripada kumpulan pakar.

Katanya, langkah yang boleh diberi perhatian khusus adalah menggunakan baka baharu untuk memastikan kelangsungan spesies berkenaan.

"Penggunaan baka baharu untuk pembiakan perlu bagi mengelak risiko *inbreeding*, tambahan pula kita sudah terlalu lama guna baka lama," katanya.

Laporan *Sinar Harian* pada Ahad mendedahkan bahawa spe-



Usaha membiakkan seladang memerlukan tahap pemantauan rapi dan kajian khusus daripada pakar.

sies lembu liar itu kini berada dalam keadaan terancam dan akan pupus sepenuhnya jika tiada usaha yang serius dilakukan untuk menyelamatkannya.

Jumlah seladang liar kini dianggarkan sekitar beberapa ratus ekor sahaja dan hanya boleh di-

jumpai di kawasan utara Semenanjung Malaysia dalam beberapa kelompok kecil yang terpisah dan tidak dapat bertemu untuk membiak.

Penggunaan baka baharu untuk pembiakan perlu bagi mengelak risiko *inbreeding*, tambahan pula kita sudah terlalu lama menggunakan baka lama."



Laporan muka depan *Sinar Harian*.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21.2.2022	BERITA HARIAN	NASIONAL	20

2 penternak lembu rugi RM30,000 rumput napier dirosak gajah

Dungun: Dua penternak lembu di Bandar Al Muktaffi Billah Shah, di sini, kerugian RM30,000 selepas tanaman rumput napier yang diusahakan mereka dirosakkan sekumpulan gajah.

Penternak, Abdul Wahab Mohd Amin, 60, berkata selain merosakkan tanaman rumput yang diusahakan di kawasan seluas 240

hektar itu, kumpulan gajah berkenaan turut memusnahkan pagar ladang.

Beliau berkata, kejadian berlaku pada khamis lalu itu adalah yang pertama sejak empat tahun mereka mengusahakan ternakan lembu di situ.

"Sebelum ini, kumpulan gajah terbabit hanya melalui kawasan

ini dan mungkin dalam hutan sudah tiada lagi makanan, maka haiwan berkenaan mencero boh masuk ke ladang ini.

"Kesan serangan gajah itu menyebabkan penternak bimbang keselamatan 200 lembu ternakan mereka. Apabila kawasan pagar sekeliling dirosakkan gajah, kami bimbang lembu ternakan di

baham binatang liar lain seperti harimau kumbang," katanya ketika ditemui, semalam.

Sementara itu, Penyelaras Dewan Undangan Negeri (DUN) Bukit Besi, Ghazali Sulaiman, berkata pihaknya sudah memaklumkan mengenai kejadian berkenaan kepada Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Ta-

man Negara (PERHILITAN).

"Selain itu, kita juga akan maklumkan kepada agensi lain iaitu Jabatan Veterinar dan Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGGAH).

"Kita percaya pihak terbabit dapat membantu bagi meringankan beban terhadap penternak yang terkesan," katanya.

**READY
FOR THE
MARKET**

A worker stacking chicken eggs received from suppliers to be sold to customers in Kajang yesterday. Based on the Keluarga Malaysia Maximum Price Control Scheme (SHMKMI), the retail price of chicken egg in the Peninsula is 44 sen (Grade A), 42 sen (Grade B) and 40 sen (Grade C). The prices will be in force until June 5. PIC BY AIZUDDIN SAAD